

Headline	Duta kecil alam sekitar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Jul 2012	Color	Full Color
Section	Pendidikan	Circulation	192,982
Page No	m1,m2	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	1217 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 41,044
Frequency	Daily	PR Value	RM 123,132



» **TEY mendidik, memberi kesedaran** kepada generasi muda kepentingan memulihara alam sekitar.

BENGKEL PMR (KUALA LUMPUR)
28 - 29 Julai 2012
Subjek: Bahasa Melayu Bahasa Inggeris, Matematik dan Science.
 Hubungi 03-20569772/
 03-20569769 (Maria/Hadri)
 atau 03-20569863

Oleh Noor Azlina Zainudin
azlina@bharian.com.my

» Selayang

Usaha mengurangkan jejak karbon (carbon footprint) khususnya di rumah, menjadi agenda utama pasukan Toyota Eco Youth (TEY) Sekolah Menengah Kebangsaan St Mary (SMKSM), Kuala Lumpur dalam usaha memulihara alam sekitar untuk kesejahteraan semua.

TEY ialah program tahunan anjuran UMW Toyota Motor sejak tahun 2001 itu bertujuan untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada generasi muda setiap langkah yang boleh diambil untuk menjaga alam sekitar agar tidak terus tercemar.

Pasukan SMKSM yang terpilih mewakili Kuala Lumpur dalam program kali ini disertai oleh lapan orang pelajar berusia 13 hingga 16 tahun iaitu Bonou Sedo Alicia, Michelle Nadia Jerome, Poon Yu Ying, Noor Awatif Bakhari, Nur Aina Noor Hashimanuddin, Gursheen Kaur, Joyce Yee Bee dan Poh Su Rei.

○ Lihat M2

Headline	Duta kecil alam sekitar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Jul 2012	Color	Full Color
Section	Pendidikan	Circulation	192,982
Page No	m1,m2	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	1217 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 41,044
Frequency	Daily	PR Value	RM 123,132

Pengurangan jejak karbon dalam alam sekitar

Alicia (kiri) dan Yu Ying memberi penerangan mengenai jejak karbon kepada seorang pengunjung.



◉ Dari muka 1

Isu alam sekitar

Menurut Alicia yang juga ketua pasukan TEY SMKSM, pada peringkat awal, sebanyak empat masalah utama berkaitan alam sekitar telah dikenal pasti di kawasan perumahan Taman Intan Baiduri yang

menjadi lokasi kaji selidik mereka kerana ia berdekatan sekolah.

Katanya, masalah kritikal itu ialah pelepasan asap dan partikel karbon daripada kenderaan, pencemaran bunyi oleh kenderaan, pelupusan sisa pepejal domestik yang tidak sesuai serta pelepasan karbon dioksida daripada penggunaan elektrik dan air di rumah.

"Setelah setiap isu alam sekitar itu dianalisis secara mendalam, kami sepatutnya memilih isu jejak karbon kerana selain kaji selidik lebih mudah dijalankan, isu itu juga memberi kesan besar kepada alam sekitar iaitu mampu membawa kepada perubahan cuaca dan peningkatan suhu bumi.

"Seterusnya kaji selidik dijalankan di 60 buah rumah di taman berkenaan untuk merekodkan penggunaan elektrik dan air selain memberi penerangan mengenai apa yang boleh seisi rumah lakukan untuk mengurangkan kadar pelepasan karbon.



Puan Raja Shahariah

"Selain mengurangkan penggunaan air dan elektrik, kita juga boleh mengurangkan penggunaan kenderaan bermotor untuk bergerak dan tanam lebih banyak pokok di sekitar kawasan rumah untuk merendahkan suhu," katanya.

Aktiviti TEY SMKSM

Sementara itu, guru penasihat, Puan Raja Shahariah Raja Jacob, berkata selain melakukan kaji selidik, pasukan TEY SMKSM turut mengadakan lawatan ke Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) untuk melengkapkan diri mereka dengan maklumat secukupnya mengenai jejak karbon dan kesannya terhadap alam sekitar.

Selain kempen kesedaran secara berterusan di sekolah, katanya, mereka turut mengadakan kempen pengurangan kesan rumah hijau di pusat beli-belah yang menyasarkan orang ramai dan pelajar sekolah berhampiran.

"Semasa diadakan di Selayang Mall baru-baru ini, pelbagai aktiviti diadakan antaranya pameran bahan kitar semula, penerangan mengenai kesan rumah hijau dan pelepasan karbon, jualan anak pokok dan cenderamata kesedaran alam sekitar, pertandingan mewarna dan ceramah oleh pegawai FRIM.

"Kempen itu mendapat sambutan menggalakkan dan diharapkan selepas ini, kesedaran mengenai kepentingan menjaga alam sekitar khususnya dengan cara mengurangkan pelepasan karbon dapat ditingkatkan dan berterusan sampai bila-bila.

"Cara paling mudah yang masih ramai tidak tahu ialah dengan menjimatkan penggunaan elektrik kerana ia cara termudah mengurangkan jejak karbon dalam alam sekitar kita," katanya.



“**GENERASI MUDA BOLEH MEMULIHARA ALAM SEKITAR DENGAN MENGAMALKAN KITAR SEMULA DAN MENGELAKKAN PEMBAZIRAN ELEKTRIK.**”

Noor Awatif Bakhari
Ahli pasukan
TEY SMKSM



Gurshreen (kanan) menjual anak pokok kepada seorang pengunjung di Selayang Mall.



Pasukan TEY SMKSM memilih pemenang peraduan mewarna bertemakan alam sekitar.

INFO

Jejak Karbon (Carbon Footprint)

◉ Jejak karbon ialah jumlah keseluruhan gas rumah hijau yang dihasilkan secara langsung atau tidak langsung untuk menyokong aktiviti seharian manusia. Ia biasanya dinyatakan bersamaan dengan

pelepasan bertan gas karbon dioksida.

◉ Sebagai contoh, semasa memandu kereta, enjin yang membakar minyak akan menghasilkan sejumlah karbon dioksida. Selain itu, penghasilan makanan dan barangan juga melepaskan gas karbon dioksida.

◉ Jejak karbon boleh

menyebabkan pelbagai kesan negatif terhadap alam sekitar antaranya kenaikan cuaca secara melampau, pemanasan pantai, peningkatan paras laut, kemarau, membinasakan bumi serta kepupusan flora dan fauna.

◉ Antara cara mudah mengurangkan jejak karbon ialah menanam lebih

banyak tumbuh-tumbuhan, cabut plag barangan elektrik yang tidak digunakan. Jangan biarkan televisyen atau komputer berada dalam keadaan bersedia (standby), cairkan air batu di ruangan beku dalam peti ais, kurangkan penggunaan pemetik api dan elakkan membuka pintu peti ais dengan kerap.